

MISTERI TENTANG MELAYU



Disunting oleh
Aqil Ithnin

Misteri Tentang Melayu

Diterbitkan oleh:

AFIAT MINDA ENTERPRISE
383 Mukim 5 Penanti
14400 Bukit Mertajam
Pulau Pinang

Penyunting:

Aqil Ithnin

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana artikel, ilustrasi, foto dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua samaada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau apa cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit AFIAT MINDA ENTERPRISE

Kandungan

Prakata

1.0 Pendahuluan

2.0 Misteri Melayu – Bangsa dan Bahasa

3.0 Penduduk NUSANTARA dari luar Galaksi BIMASAKTI

4.0 Misteri Lemuria dan Atlantis

5.0 Misteri Peradaban Nusantara yang tak terjawab

6.0 Misteri Pemeluk Islam Pertama di Nusantara

7.0 Misteri Peralatan Melayu

8.0 Misteri Piramid Melayu

9.0 Misteri Gen Bangsa Melayu

Prakata

Buku adalah hasil pencarian dan penyelidikan sekian lama bagi mengumpul dan menjilid isu, maklumat dan tesis mengenai Bangsa Melayu khususnya dirantau Nusantara. Adalah diakui bahawa tanpa kerja awal dan penat lelah rakan-rakan yang sama kepercayaan tentang apa yang tersirat dan tersurat dari tamadun Melayu tidak mungkin buku ini dapat dihasilkan.

Sebagai penyunting saya berhasrat untuk memberikan kepada pembaca rentetan dan susun galur yang boleh dijadikan bahan kajian lanjut kalau pun bukan sandaran kepada hujah dan bukti kepada asal usul, peranan dan sumbangan bangsa Melayu kepada tamadun dunia terutamanya di Nusantara apatah lagi di bumi yang sekian lama dinamakan Tanah Melayu.

Setiap bab diakhiri dengan sumber dan rujukan yang diguna pakai untuk menjilid kandungan bab tersebut. Pembaca dipersilakan meneruskan kajian dan semakan mereka sendiri agar kebenaran yang dicari dapat ditemui. Penyunting merasa lega kerana sekurang-kurangnya cerita-cerita yang selama ini dianggap mitos dan khayalan boleh juga dibukukan untuk dijadikan bahan rujuk. Percaya atau tidak pembaca kepada hidangan maklumat dalam buku ini bukanlah matlamat utama buku ini. Tujuan khasnya ialah untuk memberi asas kepada kajian dan diskusi yang lebih mantap dan berisi.

Buku ini diharap dapat menghilangkan dahaga sipencari, peminat sejarah dan orang awam yang gemar kepada misteri-misteri berkenaan orang Melayu.

Penyunting,

Aqil Ithnin
September 2013

1.0 Pendahuluan

Bangsa Melayu adalah salah satu bangsa tertua didunia namun hakikat ini tidak ramai yang tahu atau mahu tahu. Malah ada pihak yang kerana kepentingan politik sanggup menafikan bahawa Melayu itu satu bangsa. Bahkan mereka ini sanggup mengatakan bahawa Melayu hanyalah kumpulan manusia yang bercampur dari pelbagai bangsa lain.

Andaikata tohmahan ini dibiarkan maka anak cucu kita mungkin mempercayai bahawa Melayu bukanlah bangsa yang disegani bahkan Melayu adalah bangsa yang lemah dan hina. Kesilapan dalam tanggapan inilah yang membuat anak muda Melayu sekarang hilang arah dan panduan hingga terjebak mereka dalam aktiviti tidak sihat seperti penagihan dadah, seks bebas, arak, judi, merempit, jenayah dan mungkin juga murtad. Apabila seseorang itu hilang harga diri dan pegangan hidup maka mudahlah dia dipengaruhi pelbagai jenis godaan dan pujuk rayu.

Buku ini berhasrat untuk mendedah dan menyampaikan beberapa misteri tentang bangsa Melayu yang jika diamati maka terserlah betapa tinggi dan agungnya peradaban dan tamadun Melayu dalam lipatan sejarah dunia. Kelebihan dan kebaikan boleh diperolehi oleh sesiapa saja dari Bangsa Melayu melalui maklumat yang ada didalam buku ini. Bahkan jika kesedaran dapat disampaikan kepada anak Melayu tentang bangsanya, harus kita akan dapat generasi muda yang mampu mendapatkan semual kegemilangan masa dulu.

2.0 Misteri Melayu - Bangsa dan Bahasa


Melayu merupakan bangsa dan bahasa yang berpusat di Nusantara. Malaysia, Indonesia dan Brunei merupakan negara yang didiami oleh bangsa Melayu. Di negara-negara ini juga, bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. Bangsa dan bahasa Melayu telah dikaji oleh para sarjana sama ada cendekiawan Nusantara atau dari luar. Pelbagai kajian telah dibuat dan pelbagai perkara menarik dan misteri telah ditimbulkan. Marilah kita meneliti satu demi satu persoalan dan tanda tanya yang timbul daripada penyelidikan yang dibuat terhadap bangsa dan bahasa Melayu.



Keluasan pengaruh bahasa Melayu menggambarkan kehebatan penjelajahannya

Bangsa Melayu merupakan penduduk asal Nusantara. Nusantara merupakan tanah tumpah dan pusat ketamadunan bangsa Melayu. Antara ciri-ciri ketamadunan yang ada dan diwarisi ialah bentuk tulisan yang digunakan untuk mencatat pengetahuan dan peristiwa sepanjang zaman. Tulisan yang digunakan dalam bahasa Melayu telah mengalami beberapa perubahan dan menggunakan beberapa jenis huruf yang

saling berganti. Antara tulisan yang mula-mula dipakai ialah tulisan Rencong, Pallava dan Kawi.



Aksara Rencong atau Rejang

Huruf Rencong ialah aksara Melayu yang banyak digunakan di Sumatera Selatan (Bangkahulu dan hulu Palembang) dan Minangkabau. Huruf ini kekal hingga kurun ke-18 iaitu sebelum Belanda menjajah Indonesia. Huruf yang digunakan oleh orang-orang Melayu pada zaman purba menyerupai huruf-huruf Rencong atau Rencang, Kawi dan Lampung. Kajian menunjukkan bahawa huruf-huruf tersebut ada kaitan dengan huruf-huruf orang-orang Kambojas pada zaman purba. Orang-orang Melayu menulisnya di atas kulit-kulit kayu, daun-daun lontar, kepingan-kepingan logam dan pada batu-batu (batu bersurat). Tulisan kuno ini telah dijumpai pada tahun 1892 di sebatang tiang batu di Kota Kapur (Bangka Barat).

Misteri bermula apabila J. Park Harrison mendedahkan pada tahun 1896 tentang pengaruh Phoenicia (Semitik) terhadap kebudayaan Sumatera termasuklah tulisan Rencong. Cendekiawan Semetik, M. Renan dan Neubauer yang mengkaji huruf-huruf Rencong telah mengesahkan bahawa aksara itu ialah huruf Phoenician. Penyelidikan yang diterbitkan

dalam jurnal saintifik Oxford, *Archaeologia Oxoniensis* pada tahun 1896 mendedahkan bahawa tulisan Rencong terhasil daripada hubungan secara langsung dengan orang Phonecian. M.A Jaspen, ahli antropologi dari Universiti Nasional Australia yang membuat kajian pada tahun 1961 juga mengesahkan bahawa aksara Rejang diubah suai daripada huruf-huruf Phonecian.

Phoenicia ialah bahasa yang dituturkan dikawasan pesisiran kemudian dipanggil Put dalam Mesir purba, Canaan dalam Phoenicia, Ibrani dan Aramia dan Phoenicia dalam Greek dan Latin. Phoenicia adalah bahasa Semitik dari sub kumpulan Canaan, dekat berhubungan dengan Ibrani dan Aramia.

Kawasan ini termasuklah Lubnan masa kini, pesisiran Syria dan utara Israel. Penuturnya memanggil bahasa mereka sendiri (dabarīm) Pōnnīm/Kana'nīm "(penuturan) Punik/Canaan". Bagaimana Nusantara mempunyai hubungan dengan orang Phonecia masih lagi menjadi tanda tanya. Berdasarkan peta lingkungan pengaruh bahasa Melayu yang menjangkau sehingga Madagaskar, tidak mustahil bahawa orang Melayu sudah mempunyai hubungan dengan Mesir Purba yang menjadi sumber kewujudan aksara Rencong di Sumatera.

Ukiran tulisan yang terdapat pada kupang emas diukir dalam bahasa Pasai yang dikenali sebagai Kunlu, iaitu bahasa tulisan yang digunakan sebelum bahasa Sanskrit. Sejarah awal kupang emas 'kunlu' dikesan pada zaman awal kemunculan Melayu di daerah Pasang Utara, Sumatera. Semasa awal terdirinya kerajaan Melaka, pemerintah Sultan Iskandar tidak mempunyai mata wang sendiri. Maka baginda menggunakan mata wang saudaranya tuanya kerajaan Pasai dalam urusan Perdagangan harian di Melaka.

WEST SEMITIC AND SUMATRAN RELATED WORDS

| SYLLABARY* | HEBREW | REJANG | INDONES. | MALAY/AUST. |
|------------------------|----------------|----------|-----------------|------------------|
| consecrate | nazar | nasar | nazar | nadzar (arabic) |
| broken (fix) | nata' | natin' | dipatahkan | pertetapkan |
| cut off | natash | neteus | dipotong | potong |
| delicate (beautiful) | na'a | ni' | halus | halus |
| crush/milled | niqqud | nisut | digiling | pechah-kan |
| shake | nua | nu'eu | mengangguk | menggeling |
| turn | nata | nutea | diputar | putar |
| appointment | paqudda | pakeut | pangkat | pangkat |
| canal | peleg | palija' | tjahang siring | terusan ayer |
| walk (footsteps) | pa'am | paneuw | djalan | berjalan |
| notch | pehetet | pateuet | takik | takik |
| fragment | pat | patia' | patah | patah |
| side | pea | pea' | fihak | sci |
| cloth | peset | peket | pejutan | x |
| lest, not | pen | pon | kempunan | x |
| capital (provider) | parat (phoen.) | porat | pokok | pokok |
| blindness (large eyed) | rb'n (phoen.) | rabun | rabun | rabun |
| ruler/king (rule) | rada | ratau | ratau | raja |
| friendly | ra'a | rau'uwa' | peramah | berkawan |
| bitter fruit (fruit) | ripa | repi'e | buah jang pahit | x |
| fiend | rasha' | risau | musuh | musuh |
| a spirit | roah | ruh, rua | ruh | hantu |
| village (country) | 'sade | sadeui | dusun | kampung |
| sounds | sha'a | sa'eui | bunji | bunyi |
| a greeting | shalom | salam | salam | salam |
| plenty | 'sepeq | sebekau | lebih dari tiga | banyak |
| a devil (destroy) | shamad | semad | setan | iblis (arabic) |
| quantity | shepa' | sepi'ai | banjak | banyak |
| demon | shed | sidai | sakti | x |
| devil | satan | sitan | setan | shaitan (arabic) |
| plenty | saba' | sopo' | berlebihan | lebh-nya |
| gift/bribe | stur | soro' | nang sogok | suap |
| enemy (hatred) | su'l (phoen.) | sumat | musuh | musuh |
| oath/vow | shaba' | supca' | sumpah | sumpah-an |
| forefathers | t'r (phoen.) | tirau | rob nenek | nenek |
| foolish | tipia | tpalea | tidak | banyakragam |
| push (hurl/cast) | tul | tulo' | tolak | tolak-kan |
| brother | ʔh (phoen.) | wa' | uwak | kakak |
| guardian | ʔl (phoen.) | walai | wali | wali (arabic) |
| if | 'illu | walau | walau | walau (arabic) |

*- () indicates that the Semitic meaning is either synonymous or deviates from Rejang



Dinar Emas Pasai Bertulisan Kunlu

Jika telah wujud bahasa kunlu, maka bahasa kunlu tu bahasa apa? Adakah ia bahasa Melayu yang telah di jenamakan semula setelah Melayu mendominasi Alam Melayu ini? Memang kita tahu, bahawa kita adalah orang gunung (kunjun). Jadi peringkat awal tamadun kita dikenali sebagai bangsa kunjun. Maka bahasa kita dikenali sebagai bahasa kunlu.

Ini bermakna, kita telah ada sistem tulisan sebelum rencong dan sanskrit! Iaitu tulisan KUNLU (tulisan seperti aksara arab). Rujuk tulisan kupang emas di atas. Jadi dimanakah tulisan itu sekarang? Jika ahli sejarah telah tahu tentang wujudnya tulisan ini, terutama di Pasai, kenapa tiada kajian menyeluruh. Perkara ini penting untuk menterjemahkan keintelektualan bangsa Melayu sebelum bangsa Melayu mahir dengan Bahasa Sanskrit dan sistem tulisannya. Sanskrit bukanlah rekayasa asal bangsa kita. Asalnya dari benua Hindi, datang bersama agama Hindu-Budha. Kita adalah bangsa Kunjun, tapi sehingga kita diberitahu bahawa kita mempunyai sistem tulisan iaitu Rencong, kemudian Kawi, kemudian Palava, kemudian Sanskrit,

kemudian Jawi, Kemudian Rumi. Jadi apa yang sebelum Rencong? Jika kupang emas di atas dikemukakan sebagai bukti, bagaimana dengan warisan yang lain? Di mana warisan sistem tulisan Kunlu kita? Warisan keintelektualan Bangsa Melayu.

Sumber rujukan :

1. Wikipedia
 2. rejang-lebong.blogspot.com
 3. Majalah Budaya terbitan DBP.
 4. <http://sukaatiaku.blogspot.com/2013/04/tulisan-kunlu-tulisan-melayu.html>
-

3.0 Penduduk NUSANTARA Dari Luar Galaksi BIMASAKTI ?

Ketika ALLAH, melalui Al-Quran mengisyaratkan kepada manusia dan jin untuk cuba menembus langit dan bumi. Banyak orang percaya,

cabaran ini telah berhasil dijawab oleh bangsa Jin, bahkan menurut mereka Fenomena UFO yang terlihat belakangan ini, berasal dari penampakan makhluk ghaib ini.

Bagaimana dengan manusia ? Benarkah umat manusia, hanya mampu sampai ke Bulan dan itupun cuma sebentar ? Se-primitif itukah teknologi, yang dimiliki Manusia, keturunan Nabi Adam ?

Hai jama'ah jin dan manusia, jika kamu sanggup menembus (melintasi) penjuru langit dan bumi, maka lintasilah, kamu tidak dapat menembusnya melainkan dengan kekuatan.” (QS. Ar-Rahman (55) ayat 33)

Manusia telah menjelajah angkasa, ribuan tahun yang silam. Berdasarkan Penemuan Arkeologis, diperoleh informasi teknologi manusia sekarang, sangat jauh tertinggal dari teknologi di masa lalu. Sebagaimana terlihat pada gambar berikut...





Peche Merle Cave, France, paintings, 17.000-15.000 SM

Pada lukisan di atas, yang berasal dari masa ribuan tahun yang silam, dapat kita lihat bahawa umat manusia telah mengenal teknologi antariksa. Nampaknya, umat manusia mengalami kemunduran teknologi disebabkan oleh kehancuran peradaban akibat dari peperangan dan bencana alam.

Ketika ALLAH menciptakan Nabi Adam, ALLAH mengajarkan kepadanya semua nama-nama (ilmu pengetahuan universal), yang bahkan tidak difahami oleh Para Malaikat sekalipun. Dan saat pengetahuan itu diuji, leluhur seluruh umat manusia ini telah membuat para malaikat kagun dan pada akhirnya Allah memerintah mereka untuk sujud kepada Adam.

Dengan pengetahuan yang sedemikian tinggi yang dimiliki oleh Nabi Adam, logikanya kalau hanya sekadar membuat sebuah pesawat antara galaksi, rasanya bukan sesuatu yang sulit bagi beliau. Dan pengetahuan antariksa ini, tentunya diwarisi juga oleh generasi-generasi awal umat manusia.

Atas dasar pemahaman inilah, ada orang yang menyimpulkan pada masa ribuan tahun yang silam, umat manusia bukan saja membangun peradaban di bumi tetapi juga telah merintis koloni-koloni di planet-planet lain, yang memiliki sumber-sumber kehidupan yang sesuai bagi umat manusia.



Akhenaten, Firaun pertama menyembah satu Tuhan

Dan bukan mustahil, fenomena UFO yang muncul acap kali diserata dunia ini berasal dari saudara-saudara kita dari Planet-Planet yang jauh. Hal ini semakin diperkuat lagi dari pernyataan saksi-saksi, mengenai keberadaan alien (Blond, Nordic, Vegan dan lain-lain) yang menyatakan fisik mereka adalah seperti manusia.

- Pernyataan Sergeant Clifford Stone yang mengatakan bahwa banyak sekali alien-alien yang berupa manusia
- Pernyataan David Wilcox yang mengatakan bahwa dari sumber inteligen diketahui paling tidak pada 8 galaksi yang majoriti penduduknya adalah manusia

- Kenyataan bahwa DNA Alien Grey boleh dikombinasikan dengan DNA Manusia (Buku The Threats – David Jacobs) menunjukkan bahwa ada kemiripan DNA .

- Pernyataan Alien Janos bahwa mereka sebenarnya adalah manusia bumi yang pindah dari bumi untuk menghindari perang (Buku The Janos People – Frank Johnson)

Kenyataan bahwa terdapat Bani Adam di Planet lain, juga diakui oleh Dicky Zainal Arifin pengarang buku Novel Arkhytirema. Buku yang sumbernya diperoleh melalui hasil insvestigasi astral dalam bentuk “time travel”, menceritakan keberadaan Bani Adam, yang tersebar di beberapa Planet di luar Bumi di antaranya :

- bangsa TRUNKA di Planet TRUNKA di gugusan ORNORAG
- bangsa ERATUS di Planet UNDAMUNGTHA gugusan GHURABHAL
- bangsa NEGRIDA di Planet TRABIX gugusan BINNURA
- bangsa LEMURIAN di Planet LEMURIAN di sisi luar galaksi
BIMASAKTI berdekatan dengan galaksi ANDROMEDA

Menurut Dicky, Bangsa Lemurian, berasal dari Benua Lemuria yang keberadaannya saat ini lebih dikenal dengan nama Nusantara. Bahkan salah seorang Penduduk Lemurian yang bernama Aki Tirem (Arkhytirema), menjadi salah seorang leluhur dari Masyarakat Sunda dan Suku Jawa.

Cuba anda perhatikan wajah orang-orang Melayu disekeliling anda, jika anda perasan, terdapat satu margin perbezaan yang ketara antara wajah-wajah bangsa yang dikenal sebagai Melayu ini. Tidak perlu melihat jauh, lihat sahaja dikalangan sahabat-sahabat kita sendiri, bagaimana perbezaan ini begitu ketara.

Ada sahabat menyatakan sebab mengapa penjajah tergesa-gesa mahu menutup sejarah orang melayu Islam...” sebab bangsa inilah yang akan bawak panji-panji hitam dari timur..” - bila bercakap mengenai melayu, jangan dikatakan rasis, sebab muka macam orang Mexico pun Melayu, muka macam orang Eropah pun Melayu, muka macam orang Cina dan India pun Melayu, muka macam Red Indian pun Melayu, muka macam org Arab dan Afrika pun Melayu. Boleh dikatakan semua wajah yang ada didunia ni Melayu, dan yang paling penting, Islam...macam satu dunia dah Islam..rahsia Allah yang maha agung!

Ada dikatakan orang Melayu ialah daripada pergerakan kedua manusia dari keturunan Nabi Ibrahim atau dikenali sebagai bani Jawi (keturunan dari isteri Nabi Ibrahim bernama Keturah) dari pergunungan. Pergunungan mana itu? Mungkinkah Himalaya? Dalam bahasa sanskrit, Himalaya bermaksud gunung Melayu. Nama Himalaya dikatakan diberikan oleh Bani jawi ini semasa singgah di Tibet, sebelum meneruskan perjalanan ke selatan termasuk Malaysia hari ini.

Mungkin juga perjalanan masa silam Bani Jawi atau orang Melayu ini menyebabkan interaksi yang luas dengan bangsa-bangsa lain hingga menyebabkan kita mewarisi genetik bangsa-bangsa tersebut. Ada juga yang berpendapat Melayu itu adalah ras induk itu sendiri.

Berbalik kepada apa yang dikatakan oleh sahabat itu, rasa ada benarnya, bangsa Melayu disatukan oleh agama Islam, satu ikatan yang kuat, sehinggakan penjajah silih berganti, namun Islam didada bangsa Melayu gagal dicabut. Menurutny lagi, bangsa Melayu telah dipilih dikalangan bangsa-bangsa lain di Asia Tenggara untuk menyebarkan

mengembangkan agama Islam. Mengapa harus malu mengaku Melayu, sedangkan Allah memuliakan kita dengan Islam.

Sumber:

1. Mencari Penghuni Langit (Grup Facebook)
2. Anugraherah Sentot Sudono, Islamic UFO
3. KanzunQalam

Thank You for previewing this eBook

You can read the full version of this eBook in different formats:

- HTML (Free /Available to everyone)
- PDF / TXT (Available to V.I.P. members. Free Standard members can access up to 5 PDF/TXT eBooks per month each month)
- Epub & Mobipocket (Exclusive to V.I.P. members)

To download this full book, simply select the format you desire below

